



MENTERI BESAR KELANTAN MULAKAN RAMADAN  
DENGAN TAZKIRAH BUAT WARGA KOTA DARULNAIM

# Buletin بواليتین دارالنعيم DARULNAIM MINGGUAN

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1446H | 02-06 MAC 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

MENTADBIR BERDASARKAN  
WAWASAN ALLAH – MB KELANTAN

JAGA ETIKA, TANGGUNGJAWAB  
DALAM PENGGUNAAN  
MEDIA MODEN

359 OKU TERIMA BANTUAN  
RM71,800 SUMBANGAN NGO,  
SYARIKAT KORPORAT

## ISLAH, PENGHAYATAN AL-QURAN AGENDA RAMADAN 1446H – MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 2 Mac – Sebagai bulan yang diturunkan al-Quran dan diangkat sebagai madrasah tarbiah serta pembersihan jiwa, Ramadan 1446H disambut dengan azam memperkuuh penghayatan syariat dan agenda islah bagi kesajahteraan ummah.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato Panglima Perang Ustaz Dato Mohd Nassuruddin Daud di dalam perutusannya menekankan kepentingan menjadikan Ramadan sebagai wadah penyucian diri dan pemantapan takwa.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan mene-gaskan komitmen berterusan dalam memasyarakatkan al-Quran dengan melaksanakan program Tadarus al-Quran Negeri Kelantan yang memasuki tahun ke-33 pen-ganjurannya.

“Berlandaskan tema al-Islah, teks tadarus kali ini dipetik daripada Surah Hud, ayat 116 hingga 120, yang menyeru umat agar bangkit memperjuangkan kebenaran dan



mempertahankan syariat Islam,” katanya.

Menurutnya lagi, Ramadan ialah masa terbaik untuk kita memperbaiki diri dan meneladani kisah-kisah para nabi sebagai pedoman dalam kehidupan. Al-Quran bukan sekadar untuk dibaca, tetapi

difahami dan diamalkan.

Dalam menghayati keistimewaan Ramadan, Dato' Mohd Nassuruddin turut mengingatkan bahawa puasa mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah SWT, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

“Setiap amalan anak Adam digandakan pahalanya sebanyak sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda, kecuali puasa, kerana ia adalah untuk-Ku dan Aku sendiri yang akan membalaunya. Orang yang berpuasa meninggalkan syahwat dan makanannya kerana-Ku.” (Riwayat Muslim)

Dengan keistimewaan itu, beliau mengajak seluruh rakyat Kelantan untuk mengambil peluang menambah amalan soleh, memperbanyak doa serta berusaha menjadi insan yang lebih bertakwa.

Mengakhiri perutusan, beliau menyeru agar Ramadan kali ini dimanfaatkan sepenuhnya sebagai ruang untuk muhasabah, memperkuuh ukhwah, dan menanam ilitzam dalam perjuangan Islam.

“Semoga Ramadan 1446H membawa keberkatan kepada seluruh rakyat Kelantan dan menjadi medan untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT, mengukuhkan persaudaraan dan memperjuangkan kebaikan di dunia serta akhirat,” katanya.



# MENTERI BESAR KELANTAN MULAKAN RAMADAN DENGAN TAZKIRAH BUAT WARGA KOTA DARULNAIM

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 2 Mac – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, memulakan hari pertama Ramadan dengan menyampaikan Tazkirah Ramadan kepada warga Kompleks Kota Darulnaim.

Program tazkirah harian tersebut dijadualkan sepanjang bulan suci ini sebagai satu inisiatif membudayakan pengisian rohani dalam kalangan penjawat awam negeri.

Menurut beliau, sesi tazkirah akan diadakan setiap hari bekerja secara bergilir-gilir oleh saf Ahli

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan pegawai kerajaan negeri.

Dalam tazkirah tersebut beliau berkongsi tentang keistimewaan Ramadan, khususnya peluang melipat ganda amalan soleh.

"Antara kelebihannya ialah satu malam dalam sepuluh malam terakhir Ramadan yang lebih baik daripada 1,000 bulan.

"Ini merupakan anugerah besar yang tidak wajar disia-siakan untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT," katanya.

Beliau turut menyeru seluruh penjawat awam dan rakyat Kelan-



tan agar memanfaatkan bulan penuh rahmat ini sebagai medan untuk berubah menjadi hamba Allah yang lebih bertakwa.

"Semoga setiap amalan yang kita lakukan diterima oleh-Nya dan menjadi bekalan untuk kehidupan yang lebih diberkati," ujarnya.

# MENTADBIR BERDASARKAN WAWASAN ALLAH – MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 3 Mac – Bermula hari pertama Ramadan, umat Islam diingatkan tentang peranan mereka sebagai khalifah di bumi sebagaimana saranan al-Quran.

Menteri Besar Kelantan Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menerusi Bingkisan Ramadan Juz 1, menekankan kepentingan mentadbir kehidupan berpandukan Wawasan Allah.

Mesej berkenaan berdasarkan Surah al-Baqarah yang menjadi pembuka juz pertama al-Quran dan dikenali sebagai as-Sinām iaitu kemuncak panduan kehidupan berlandaskan prinsip Manhaj Rabbanī.

Menurut Dato' Nassuruddin, sejarah umat terdahulu, termasuk kisah Bani Israel yang ingkar walaupun menerima pelbagai nikmat, wajar dijadikan iktibar.

Sebaliknya, Nabi Ibrahim AS muncul sebagai contoh pemimpin unggul yang menzahirkan kepimpinan berpandukan Manhaj Rabbaṇī, melaksanakan amanah tanpa kompromi terhadap ajaran Allah SWT.

"Setiap individu adalah khalifah, sama ada dalam keluarga, mas-



yarakat mahupun organisasi. Oleh itu, kepimpinan yang berlandaskan Wawasan Allah harus dijadikan teras dalam setiap aspek kehidu-

pan," tegasnya.

Beliau berharap Bingkisan Ramadan yang dikongsi setiap hari pada sepanjang bulan mulia

ini menjadi pedoman dalam menghayati al-Quran serta memperkuuh nilai kepimpinan berteraskan wahyu Ilahi.

# JAGA ETIKA, TANGGUNGJAWAB DALAM PENGGUNAAN MEDIA MODEN



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM,** 3 Mac - Kaedah penyampaian berita telah mengalami proses penambahbaikan dan semakin berkembang pesat.

Fenomena interaksi manusia melalui pelbagai platform media telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian.

Namun, seiring dengan kemajuan teknologi yang tanpa sempadan, timbul persoalan mengenai

penggunaan media yang betul dan beretika, terutamanya pada bulan Ramadan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud dalam tulisannya menekankan kepentingan menjaga etika dan menjaga hukum dalam penyampai berita melalui media sosial.

“Sudah menjadi satu kewajipan dalam menggunakan teknologi media tanpa sempadan mesti berpan-dukan etika dan batasan hukum.

“Manusia yang berakal mesti berhati-hati dan bertanggungjawab dalam pelayaran media agar tidak terjerumus ke dalam perkara yang tidak baik seperti fitnah, pembohongan, berniat tidak baik terhadap seseorang dan sebagainya.”

Beliau berkata demikian men-

erusi satu catatan di media sosial miliknya menerusi ruangan “Ta-wassau” (saling berpesan) pada Ahad.

YB Mohd Asri juga turut mengingatkan, khususnya pada bulan Ramadan, supaya umat Islam sentiasa menjaga akhlak dan etika ketika berinteraksi di media sosial agar tidak merosakkan pahala puasa.

“Latihan selama sebulan menguasai diri dengan takwa diharapkan dapat menjadi benteng diri daripada terjebak dengan sifat-sifat yang suka menyebarkan berita palsu atau fitnah dan pelbagai perkara yang mazmumah yang boleh merosakkan pahala puasa sekali gus menjadi penghalang seseorang itu untuk masuk syurga,” katanya.

# KELANTAN, KADA BINCANG USAHA PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGAIRAN

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM,** 4 Mac - Satu pertemuan telah diadakan di antara pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bagi membincangkan isu saliran air pertanian serta penyelarasan projek baik pulih infrastruktur di kawasan pertanian Kemubu.

YB Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail mewakili pihak kerajaan negeri, manakala Pengurus Besar KADA,

Mohd Faizul Mustafa mewakili KADA.

Menurut YB Dato' Tuan Mohd Saripudin, fokus utama perbincangan adalah untuk memastikan sistem pengairan yang lebih cekap, selaras dengan keperluan semasa, demi memastikan hasil padi yang optimum.

“Inisiatif pertemuan ini adalah bertujuan untuk memastikan sistem pengairan lebih cekap dalam penggunaan sumber air bagi sektor sektor pertanian, yang merupakan antara aspek penting dalam



memastikan pengeluaran hasil padi yang optimum.”

Beliau berkata demikian menerusi satu catatan di media sosial miliknya pada Ahad.

Pertemuan yang berlangsung

di pejabat exco di Mabna itu juga menekankan pentingnya kerjasama antara pihak kerajaan negeri, KADA dengan para pesawah bagi merealisasikan projek penyelenggaraan dan penambahan infra-

struktur pengairan.

“Komitmen bersama ini diharap dapat memberi manfaat besar kepada pesawah dan sektor pertanian agar pengeluaran hasil padi dapat dipertingkatkan,” katanya.

# 359 OKU TERIMA BANTUAN RM71,800 SUMBANGAN NGO, SYARIKAT KORPORAT

Oleh: Asri Hamat

**KUALA KRAI**, 4 Mac - Seramai 359 penerima bantuan sebanyak RM71,800.00 dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) dari 13 parlimen yang terjejas akibat banjir di Kelantan menerima bantuan daripada syarikat-syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) setempat bagi tahun 2025.

Majlis penyampaian bantuan tersebut diuruskan oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KEKWA) dengan kerjasama daripada NGO-NGO OKU.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Rohani Ibrahim berkata, bantuan berkenaan adalah lanjutan daripada siri bantuan sebelum ini sejak Kelantan dilanda banjir di penghujung tahun 2024.

“Agihan bantuan ini adalah lanjutan daripada bantuan yang diberikan sejak Kelantan dilanda banjir penghujung tahun 2024 dan masih berlanjut sehingga kini semasa Fasa Monsun Timur Laut dan ia disasarkan kepada golongan OKU yang miskin dan terjejas teruk akibat banjir termasuk 50 OKU dari



Kuala Krai.”

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Majlis Agihan Bantuan Banjir OKU, Parlimen Kuala Krai, di Dewan Tuan Guru Haji Abdul Rahman, Pusat Tarbiah Islamiah, Kuala Krai pada Sabtu.

YB Rohani juga mengalukan kerjasama dari syarikat korporat, NGO, atau individu untuk menyumbang barang, wang

tunai, atau menganjurkan program-program sebegini bagi membantu golongan yang memerlukan.

“Kerajaan negeri juga sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat di negeri ini yang terjejas akibat banjir akan menerima bantuan segera, terutama golongan OKU bagi mengurangkan beban tanggungan,” ujarnya.

Untuk rekod, bantuan yang dis-

ampaikan berupa barang keperluan harian dan bakul makanan seperti bantal, tuala, tikar, toto, telukung solat, kain pelikat, selimut, minyak masak, gula, dan beras bernilai RM200 setiap seorang.

Hadir sama, Ahli Dewan Rakyat (ADR) YB Abdul Latif Abdul Rahman dan semua Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN) di Parlimen Kuala Krai serta Pengarah U-KeKwa Ilvira Mohd Dasuki.

## DUA EXCO BERTEMU, BINCANG LANGKAH STRATEGIK TANGANI GEJALA SOSIAL



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 3 Mac – Bagi memperkuuh usaha dan tindakan Jawatankuasa Gejala Sosial Negeri Kelantan, dua exco

kerajaan negeri bertemu di Mabna pada 2 Mac.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri Kelantan, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat

menerima kunjung hormat daripada Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Rohani Ibrahim bagi membincangkan langkah-langkah strategik dalam menangani isu sosial yang semakin membimbangkan, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Dato' Wan Roslan berharap usaha tersebut membawa manfaat besar kepada rakyat Kelantan dan menjadi titik tolak kepada perubahan lebih positif demi kesejahteraan ummah.

Sementara itu, YB Rohani pula mengifatkan pertemuan berkenaan bertujuan memperhalusi pendekatan terbaik bagi memastikan keberkesanan program serta inisiatif

yang dirangka dalam membendung permasalahan sosial yang kian berleluasa.

“Kerjasama di antara pelbagai pihak amat penting dalam merangka dasar serta program yang lebih holistik demi kesejahteraan masyarakat. Semoga usaha ini membawa manfaat besar kepada rakyat Kelantan dan menjadi titik tolak kepada perubahan yang lebih positif, insya-Allah,” katanya menerusi laman sosial pada Ahad.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut ialah Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKwa) Ilvira Mohd Dasuki.

# KEADILAN ISLAM PENYELESAIAN KEMELUT UMMAH — MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM,** 3 Mac — Hanya keadilan Islam bersumberkan wahyu mampu menjadi penyelesaian tuntas kepada kemelut ummah yang semakin rencam, termasuk serangan pemikiran, keruntuhan akhlak dan belenggu kejahilan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, menegaskan bahawa umat Islam perlu kembali bersatu di bawah naungan al-Quran yang merupakan petunjuk bagi mereka yang bertakwa.

Beliau mengingatkan bahawa sejak awal penciptaan, manusia hidup dalam keadaan harmoni berpandukan hidayah Allah SWT, sebagaimana diceritakan dalam sejarah Nabi Adam a.s dan Nabi Nuh a.s.

Menurutnya, Ibnu Abbas r.a meriwayatkan bahawa tempoh an-

tara Nabi Adam a.s dan Nabi Nuh a.s adalah 10 kurun, umat manusia pada ketika itu masih berpegang teguh kepada syariat yang benar.

“Namun, apabila berlaku perpecahan dan penyimpangan, Allah SWT mengutuskan para nabi sebagai pembawa berita gembira serta pemberi peringatan untuk mengembalikan ummah kepada jalan kebenaran,” jelasnya menerusi Bingkisan Ramadan Juzuk 2.

Beliau turut memetik firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 213 yang bermaksud:

“Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira dan pemberi amaran...”

Dato' Nassuruddin menegaskan bahawa umat Islam perlu menggembangkan usaha untuk memasyarakatkan al-Quran agar kehidupan kembali berpandukan hidayah



Penyelesaian kemelut ummah yang semakin rencam sama ada dari sudut serangan pemikiran, keruntuhan akhlak dan belenggu kejahilan, hanya dapat ditangani dengan adil berpandukan al-Quran. Ini kerana sifat al-Quran itu sendiri menjadi petunjuk kepada golongan yang bertakwa sebagaimana yang dinyatakan di awal surah al-Baqarah.

Allah SWT. Sebagai pemimpin, keyakinan yang utuh terhadap keadilan Islam sebagai solusi kepada permasalahan ummah perlu terus diperkujuh.

“Hanya dengan kembali kepada al-Quran dan sunnah, umat Islam mampu membina kembali kesatuan dan keteguhan akidah dalam menghadapi cabaran zaman,” ujarnya.

# KEPIMPINAN BERSENI, BERHIKMAH ADALAH ANUGERAH — MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM,** 4 Mac — “Hikmah dalam kepimpinan adalah anugerah terbesar daripada Allah SWT. Ia bukan sekadar ilmu, tetapi kebijaksanaan dalam bertindak, menilai dan membuat keputusan dengan tepat serta adil.”

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan kenyataan tersebut menerusi Bingkisan Ramadan Juz 3, hari ini.

Beliau menekankan bahawa pemimpin yang memiliki hikmah akan melahirkan kepimpinan yang berwawasan serta membawa kesejahteraan kepada rakyat dan organisasi yang dipimpinnya.

“Kepimpinan berhikmah bukan hanya tentang kuasa, tetapi bagaimana seorang pemimpin mampu meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan penuh kebijaksanaan,” katanya.

Beliau merujuk tafsiran Syeikh

Mutawalli Sya'rawi yang mendefinisikan hikmah sebagai tindakan yang meletakkan sesuatu pada tempat yang paling bermanfaat.

Menyokong hujahnya, beliau turut memetik firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 269 yang bermaksud:

“Allah memberikan hikmah kebijaksanaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak.”

Menurutnya, kepimpinan berhikmah harus menjadikan Wawasan Allah SWT sebagai matlamat tertinggi, memastikan syariat dan undang-undang-Nya diterjemahkan dalam pentadbiran di semua peringkat.

Beliau turut mengingatkan kepimpinan hari ini dengan pesanan almarhum Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat tentang falsafah “Ilmu secupak, hikmah kena se-



Membentuk kepimpinan yang mempunyai seni hikmah hendaklah berusaha memahami, menghayati serta mendalamai ilmu al-Quran. Kisah-kisah perjuangan para Nabi dan Rasul yang berhadapan dengan umatnya bukan sahaja memberi inspirasi dan ibrah tetapi mampu memberi keteguhan hati untuk meneruskan perjuangan.

gantang.”

Tambahnya, kepimpinan yang adil lahir daripada pemimpin yang menjadikan hikmah sebagai teras dalam setiap keputusan.

“Kisah-kisah perjuangan para

nabi dan rasul yang berhadapan dengan umatnya bukan sahaja memberi inspirasi dan ibrah tetapi mampu memberi keteguhan hati untuk meneruskan perjuangan,” ujarnya.

# KELANTAN-ECERDC BINCANG BINA KILANG PROSES SUSU KAMBING

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM, 5 Mac –** Kerajaan Negeri Kelantan komited memperkuuh industri kambing tenusu melalui pelaksanaan projek strategik bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), termasuk pembinaan kilang pemprosesan dan pengumpulan susu kambing di Pasir Puteh dan Ketereh, serta penanaman rumput foder secara besar-besaran menerusi Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBC).

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek tersebut dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor penternakan kambing tenusu di Kelantan sekali gus membuka peluang lebih luas dalam penghasilan produk hiliran beraskan susu kambing.

“Kita menyasarkan Kelantan sebagai hab utama ternakan dan pengeluaran susu kambing berkualiti tinggi. Sehubungan itu, penyelarasan pengoperasian Goat Milk Collection Centre (GMCC)



sedang dilakukan bersama KBC, ECERDC dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan,” katanya selepas menghadiri mesyuarat bersama agensi berkaitan pada Selasa.

Beliau turut menyeru para penternak untuk mengambil peluang menyertai industri ini bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran dan memenuhi permintaan pasaran tempatan serta antarabangsa.

“Dengan adanya kilang pemprosesan dan pusat pengumpulan yang bakal beroperasi pada Julai 2025, kita bukan sahaja dapat memastikan kualiti susu kambing yang lebih terjamin, malah membuka ruang kepada usahawan tempatan untuk mengembangkan produk hiliran seperti keju, yogurt dan sabun berasaskan susu kambing,” tambahnya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau optimis projek berkenaan bakal memberikan limpahan ekonomi kepada negeri melalui peluang pekerjaan dan peningkatan rantaian nilai industri agro makanan.

“Dengan kerjasama erat antara kerajaan negeri, ECERDC dan agensi berkaitan, Kelantan berpotensi menjadi peneraju dalam industri kambing tenusu di Malaysia,” jelasnya.

## MDTM ANJUR QARYAH RAMADAN, PERKUKUH PENGIMARAHAN BULAN MULIA



Oleh: Norzana Razaly

**TANAH MERAH, 4 Mac –** Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) melakar sejarah dengan penganjuran Qaryah Ramadan MDTM dan Tadarus Al-Quran buat julung kalinya, sebagai inisiatif memperkuuh pengimaraham bulan mulia dalam kalangan masyarakat setempat.

Sepanjang Ramdan, Qaryah

Ramadan MDTM akan menjadi pusat aktiviti ibadah yang diisi dengan slot tazkirah, iftar bersama, solat Maghrib dan Isyak serta tarawih berjemaah yang dijadualkan berlangsung di Padang MDTM.

Inisiatif tersebut mendapat sokongan semua pihak dalam memastikan kemuliaan Ramadan dimanfaatkan sepenuhnya bagi kesejahteraan umat Islam di jajahan berkenaan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud hadir merasmikan program itu di Dataran Majlis Daerah Tanah Merah pada Isnin.

Beliau menzahirkan penghargaan kepada MDTM atas inisiatif penganjuran program berimpak tinggi yang diyakini dapat menyemarakkan semangat Ramadhan serta mengukuhkan nilai ke-

bersamaan dalam komuniti.

“Syabas dan tahniah kepada MDTM atas penganjuran Qaryah Ramadan buat pertama kali. Ini merupakan perkembangan positif, dan saya menekankan kepentingan usaha berterusan dalam membawa agenda pembaharuan demi kemajuan jajahan Tanah Merah,” katanya.

Beliau juga mengetuai Program Tadarus Al-Quran sebelum diteruskan dengan sesi berbuka puasa dan solat Maghrib secara berjemaah.

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman, ADN Bukit Panau YB Dato' Abdul Fatah Mahmud dan ADN Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor.



KEPIMPINAN BERSENI, BERHIKMAH  
ADALAH ANUGERAH – MB KELANTAN

Buletin دارالنعيم MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1446H | 02-06 MAC 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

## MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI SUKMA PUAS HATI PERSIAPAN KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 2 Mac**  
– Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia (SUKMA) Bil. 12/2025 yang dipengerusikan Menteri Belia dan Sukan YB Hannah Yeoh berpuas hati dengan tahap persiapan Negeri Kelantan sebagai tuan rumah SUKMA XXIII pada tahun 2028.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Kelantan, YB Zamakhshari Muhamad, dalam satu hantaran di media sosial, memaklumkan bahawa beliau telah membentangkan perkembangan terkini berkaitan kerja-kerja pembinaan Kompleks Sukan Bukit Merbau (Madinah ar-Riadhah) serta persiapan negeri itu bagi pengajian temasya sukan berprestij tersebut di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) minggu lalu.

“Alhamdulillah, mesyuarat berpuas hati dengan kemajuan yang ditunjukkan oleh Kelantan dalam membuat persiapan ini.

“Pihak Majlis Sukan Negara



(MSN) akan mengeluarkan surat lantikan rasmi kepada Kelantan dalam masa terdekat sebagai tuan rumah SUKMA XXIII pada tahun 2028.

“Persiapan ini diharap dapat mempertingkatkan kemudahan

sukan di Kelantan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan atlet berprestasi tinggi di negeri ini,” katanya dalam catatan tersebut pada Rabu.

YB Zamakhshari turut merakam penghargaan kepada Menteri

Belia dan Sukan, Ketua Setiausaha KBS, Ketua Pengarah MSN serta seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan atas sokongan padu dalam merealisasikan impian negeri itu menjadi tuan rumah SUKMA 2028.

